

28/07/2005

MAHATHIR-AP

MAHATHIR ENGGAN ULAS SENARAI AP 2004

Oleh: Mohd Arshi Daud

KUALA LUMPUR, 28 Julai (Bernama) -- Bekas perdana menteri Tun Dr Mahathir Mohamad hari ini enggan mengulas lebih lanjut berhubung isu Permit Import (AP) susulan pengeluaran senarai AP 2004 pada malam tadi oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri.

Dr Mahathir menutup kedua-dua belah telinganya semasa diekori oleh sekumpulan pemberita bagi mendapat ulasannya berhubung isu itu.

"Tidak, tidak... cukup," katanya sambil tersenyum ketika berjalan ke arah keretanya semasa para pemberita meminta beliau mengulas mengenai senarai AP baru itu selepas menyampaikan ucapan di Sidang Kemuncak Ekonomi Asia Ketiga, di sini, hari ini.

Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, yang berada di Johannesburg sempena lawatan tiga harinya ke Afrika Selatan telah mengarah senarai AP 2004 dikeluarkan berikutan gesaan Dr Mahathir pada Selasa lepas lepas agar senarai tersebut diumumkan.

Senarai itu menunjukkan tidak banyak perbezaan nama syarikat-syarikat yang menerima kebanyakan AP tahun ini.

Apabila ditanya sama ada beliau akan mengadakan sidang akhbar bagi menjawab perkara itu, Dr Mahathir berkata: "Lebih baik jangan."

Terdahulu dalam ucapannya, Dr Mahathir berseloroh mengenai isu AP.

Ketika beliau bercakap mengenai China yang tidak mempunyai hasrat ketenteraan ke atas negara-negara lain, beliau berkata: "Bagi saya, saya tidak takut China. Tetapi saya bimbang tentang orang yang bercakap tentang serangan awal, hak untuk tukar rejim.

"China saya harap tidak sekali-kali akan memikir untuk menukar rejim Malaysia. Mereka mempunyai kerajaan yang sangat baik di sini.

"Begitu bertimbang rasa. AP diberikan kepada orang yang salah," katanya yang mengundang ketawa daripada mereka yang mendengar ucapannya.

"Ia adalah antara perkara-perkara yang kecil," katanya. -- BERNAMA

MAD MKO FR ZK